



AGX rancang guna hasil IPO buka gudang, pejabat baharu

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](#) - Januari 16, 2024 @ 3:58pm

hazwanfaisal@bh.com.my



Ketua Pegawai Eksekutif AGX, Datuk P Dorai -NSTP/Genes Gulitah

PETALING JAYA: AGX Group Bhd (AGB) yang bakal disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia akan menggunakan sebahagian daripada dana RM33.78 juta dijana daripada pelaksanaan tawaran awam permulaan (IPO) itu untuk membuka gudang dan pejabat baharu di Malaysia serta Korea Selatan.

Saham syarikat logistik itu akan ditawarkan pada 35 sen sesaham menjadikan nilai permodalan pasarnya mencecah RM151.5 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk P Dorai, berkata 25.8 peratus atau RM8.7 juta daripada pengumpulan dana itu akan digunakan untuk tujuan pengembangan perniagaannya di Malaysia dan Korea Selatan.

Katanya, sebanyak RM16.44 juta atau 48.7 peratus pula atau akan digunakan untuk modal kerja, manakala 12.2 peratus atau RM4.14 juta untuk pembayaran semula pinjaman dan baki 13.3 peratus (RM4.5 juta) adalah untuk perbelanjaan penyenaraian.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **AGX Group buka pejabat di Korea Selatan guna hasil IPO**
- **HE Group sasar modal RM24.33 juta daripada IPO**
- **Bursa Malaysia naik empat hari berturut-turut, hampiri 1,500 mata**
- **KJTS Group terima kelulusan penyenaraian di Pasaran ACE**
- **Firma maritim raih manfaat kenaikan kadar tambang**
- **CGS International selesai ambil alih CGS-CIMB Securities**

- Sime Darby sedia bekerjasama dengan Toyota, perkukuh PERODUA
- Bursa Malaysia akhiri penurunan lima hari berturut-turut

"Syarikat merancang untuk menubuhkan gudang dan pejabat baharu di Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor Bahru bagi meningkatkan liputan kami di wilayah selatan dan menyokong perkhidmatan logistik di Singapura.

"Selain itu, kami merancang untuk mewujudkan gudang dan pejabat baharu di Pulau Pinang bagi meningkatkan liputan di wilayah utara dan menubuhkan kehadiran fizikal untuk melayani pelanggan dengan lebih baik, selain memudahkan urusan dengan Pelabuhan Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

"Kami juga mahu meluaskan kehadiran dengan menubuhkan pejabat baharu di Busan, Korea Selatan untuk menyokong perkhidmatan penghantaran pengangkutan laut bagi import dan eksport kargo melalui Pelabuhan Busan," katanya kepada BH dalam satu temu bual di Petaling Jaya, baru-baru ini.

IPO syarikat tu membabitkan penawaran awam sebanyak 96.5 juta saham biasa baharu dan tawaran jualan sebanyak 30 juta saham biasa sedia ada.

Daripada 96.5 juta saham penawaran awam, 21.65 juta akan ditawarkan kepada orang awam Malaysia melalui pengundian, 6.32 juta saham akan diperuntukkan kepada pengarah dan pekerja yang layak di AGB dan anak syarikatnya (AGX Group), manakala baki 68.53 juta saham akan diperuntukkan melalui penempatan persendirian kepada pelabur terpilih.

Menurut perjanjian penjaminan, TA Securities akan menjamin jumlah keseluruhan 21.65 juta saham berkenaan.

AGB adalah syarikat induk yang mana, melalui anak syarikat, AGX Group, secara prinsip menyediakan perkhidmatan logistik pihak ketiga (3PL) dengan perkhidmatan merangkumi penghantaran laut dan udara, logistik aeroangkasa, penyimpanan dan 3PL lain, dan perkhidmatan pengangkutan jalan.

AGX Group menyediakan perkhidmatan untuk membantu penghantar atau penerima mengangkut barang dari titik asal ke destinasi akhir mereka.

Kumpulan itu mempunyai kehadiran fizikal di Malaysia, Filipina, Korea, Myanmar, Singapura dan Kemboja (melalui rakan kongsi).

Mengulas lanjut, Dorai berkata, Filipina ketika ini muncul pasaran penting buat syarikat itu apabila menyumbang 50 peratus kepada pendapatan AGX Group, diikuti Malaysia (23 peratus) setakat lapan bulan pertama 2023.

"Selain itu, segmen logistik aeroangkasa juga adalah penyumbang penting kepada operasi kumpulan apabila menyumbang 37 peratus kepada pendapatan. Menerusi perkhidmatan ini, AGX berupaya menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara untuk bahagian dan peralatan pesawat di Malaysia, Singapura dan Filipina.

"Sebagai contoh, kami pernah menghantar enjin pesawat yang diperlukan oleh pelanggan kami apabila pesawatnya mengalami masalah enjin di Perth, Australia. Kami berjaya melakukan penghantaran ini hanya dalam tempoh dua hari.

"Segmen ini akan menjadi antara yang paling penting kepada syarikat kerana ia adalah pasaran 'khusus' dan tidak semua syarikat logistik mempunyai keupayaan dan kemahiran seperti kami," katanya.

BERITA BERKAITAN



KORPORAT Jan 2, 2024 @ 1:13pm

[AGX Group buka pejabat di Korea Selatan guna hasil IPO](#)



KORPORAT Jan 12, 2024 @ 3:10pm

[HE Group sasar modal RM24.33 juta daripada IPO](#)